

Sebanyak 20,805 aduan direkodkan tahun lalu membabitkan elemen dan palsu

Jenayah siber meningkat 99 peratus

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan, jenayah siber di negara ini meningkat 99.5 peratus kepada 20,805 aduan pada tahun lalu berbanding 10,426 aduan pada tahun 2019.


Peningkatan berkenaan dipercayai berpunca daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 apabila orang ramai banyak meluangkan masa di rumah selain aktif membuat pembelian dalam talian.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, statistik jenayah siber itu diperolehi menerusi aduan diterima Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Beliau berkata, antara aduan yang diterima adalah elemen lucah, palsu, jelik, sumbang dan mengancam, malah kesemua elemen aduan itu mencatatkan peningkatan pada 2020.

“Peningkatan aduan tertinggi adalah bagi elemen palsu iaitu 117.6 peratus iaitu 6,637 aduan berbanding 3,050 aduan pada 2019,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Uzir berkata, secara keseluruhan, kes jenayah di seluruh negara menurun 21.4 peratus tahun lalu kepada 65,623 kes berbanding 83,456 kes pada 2019.



ADUAN tertinggi dilaporkan membabitkan kes penipuan dengan 117.6 peratus pada tahun lalu. – GAMBAR HIASAN

Menurutnya, penurunan itu disebabkan sekatan aktiviti sosial dan rentas sempadan daerah dan negeri berikutan PKP tahun lalu.

“Penurunan itu juga disebabkan aktiviti penguatkuasaan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa dan kesedaran masyarakat

dalam mempertingkatkan perlindungan daripada ancaman jenayah.

“Kes jenayah ini terdiri daripada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Kedua-dua jenis jenayah ini menunjukkan penurunan pada 2020.

“Jenayah kekerasan merekod-

kan penurunan 19.5 peratus pada 2020 kepada 13,279 kes, manakala, jenayah harta benda pula menurun 21.8 peratus kepada 52,344 kes pada tempoh sama,” ujarnya.

Katanya, berdasarkan rekod kes jenayah kekerasan mengikut daerah pentadbiran, Seremban



MOHD. UZIR

merekodkan peratusan penurunan tertinggi iaitu 40.6 peratus kepada 326 kes berbanding 549 kes pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, bilangan penagih dadah yang ditangkap juga menurun 20.8 peratus kepada 20,643 orang pada 2020 berbanding 26,080 orang pada 2019.

“Ini dapat dilihat bilangan penagih dadah yang ditangkap menurun di semua negeri kecuali Johor, Terengganu, Kuala Lumpur dan Melaka.

“Bilangan tertinggi penagih dadah yang ditangkap pada 2020 direkodkan di negeri Johor (2,564 orang), diikuti Kedah (2,372 orang) dan Kelantan (2,271 orang),” katanya.

Katanya, bagi kesalahan trafik, bilangan saman yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2020 meningkat 4.9 peratus kepada 5.3 juta saman berbanding 2019 (5 juta saman).